

MAHATHIR-AGAMA
DARI ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1982

ALOR SETAR, 28 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN KEGIATAN GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI YANG BERUSAHA UNTUK MELUCUTKAN PEGANGAN ORANG-ORANG MELAYU KEPADA AGAMA ISLAM.

KATANYA, KEGIATAN SEUMPAMA ITU TELAH, SEDANG DAN AKAN TERUS BERJALAN DAN SEKIRANYA ORANG-ORANG ISLAM TIDAK WASPADA, MEREKA MUNGKIN AKAN TERPENGARUH DAN KEIMANAN MEREKA MUNGKIN AKAN TERJEJAS.

SAMBIL MENYEBUT KEGIATAN KUMPULAN 'CRYPTO' YANG PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA DITANGKAP KELMARIN SEBAGAI SATU CONTOH USAHA MELEMAHKAN AKIDAH ISLAM DI NEGARA INI, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEBAGAI KETUA SEBUAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB BELIAU TIDAK RELA MEMBIARKAN KEGIATAN DEMIKIAN BERTERUSAN.

+WALAUPUN, PEMIMPIN-PEMIMPIN AJARAN CRYPTO SUDAH DITANGKAP KITA YAKIN MASIH RAMAI PENGIKUT-PENGIKUT MEREKA YANG BERSEMBUNYI DAN CUBA MEMPENGARUHI ORANG LAIN,+ JELASNYA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS PEMIMPIN AGAMA UNTUK KIRA-KIRA 200 ORANG KADI, GURU-GURU AGAMA, IMAM DAN GURU KORAN DARI DAERAH KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM DI JITRA, KIRA-KIRA 19 KM DARI SINI.

-- BERSAMBUNG 123D/AI

B534:

MAHATHIR-AGAMA 2 ALOR SETAR

KATANYA AJARAN 'CRYPTO' ITU TIDAK SEDIKIT PENGIKUT-PENGIKUTNYA DI BEBERAPA TEMPAT DI NEGARA INI.

AJARAN TERSEBUT MENDAKWA BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA YANG MENJELMA SEBAGAI IMAM MAHADI MENERIMA WAHYU DARI TUHAN UNTUK MENYEBARKAN AGAMA TERAKHIR DI DUNIA INI.

AJARAN-AJARAN YANG DISEBARKAN KONONNYA BERDASARKAN KEPADA KITAB INJIL DAN DIDOKONG CLEH FAHAMAN +ZIONISMA+, JELAS BELIAU.

BELIAU LALU MEMBERI AMARAN KEPADA ORANG-ORANG ISLAM SUPAYA JANGAN MEMANDANG RINGAN MASALAH TERSEBUT.

KATANYA, WALAUPUN MUNGKIN TIDAK PERNAH TERBAYANG DALAM PEMIKIRAN ORANG-ORANG ISLAM DI NEGARA INI BAHAWA AGAMA YANG MENJADI 'AGAMA KELAHIRAN' MEREKA ITU AKAN LUCUT DARI PEGANGAN MEREKA, MEREKA TIDAK HARUS MENOLAK KEMUNGKINAN TERSEBUT.

+BUKTINYA BOLEH KITA SAKSIKAN DALAM BANYAK NEGARA LAIN DI DUNIA DI MANA ISLAM HANYA TINGGAL SEBAGAI SATU WARISAN SEJARAH.+ -- BERSAMBUNG 1250/AI

MAHATHIR-AGAMA 3 ALOR SETAR

+DI NEGARA-NEGARA BERKENAAN MASJID YANG PADA SATU MASA DULU TEMPAT ORANG-ORANG ISLAM BERIBADAH, KINI HANYA TINGGAL SEBAGAI MUZIUM TEMPAT MEMPAMERKAN BARANG-BARANG PURBA DI MANA ISLAM DIANGGAP SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADANYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA SATU-SATUNYA CARA YANG BOLEH MENJAMIN ORANG-ORANG ISLAM UNTUK MENGEKALKAN KEIMANAN MEREKA IALAH DENGAN MEMAHAMI AJARAN ISLAM YANG SEBENAR DAN MENGAMALKAN AJARAN TERSEBUT.

+TETAPI KALAU KITA SENGAJA MENYALAHTAFSIRKAN AJARAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI, MENGGALAKKAN PERPECAHAN ATAU TIDAK HIDUP SECARA RUKUNDAMAI ATAU TIDAK BERUSAHA MENAMBAHKAN ILMU PENGETAHUAN SEPerti YANG DIKEHENDAKI OLEH ISLAM, KEIMANAN KITA MUNGKIN MUDAH TERJEJAS.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA HANYA DENGAN MEMAHAMI AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA SAHAJA ORANG-ORANG ISLAM BOLEH MENGAITKAN AGAMA TERSEBUT DENGAN KEHIDUPAN MODEN. -- BERSAMBUNG 1259/AI

B541:

MAHATHIR-AGAMA 4 ALOR SETAR

+ISLAM BUKANLAH SATU AGAMA YANG USANG TETAPI SATU AGAMA YANG DITURUNKAN KEPADA UMAT MANUSIA YANG SESUAI UNTUK SELAMA-LAMANYA.

+TERPULANGLAH KEPADA PENGANUT-PENGANUTNYA UNTUK MENGAITKAN AJARANNYA KEPADA KEHIDUPAN SEHARI-HARI DAN ALAM KELILING MEREKA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERIKRAR BAHAWA BAGI PIHAK KERAJAAN BELIAU AKAN SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN LAGI SYIAR ISLAM DI NEGARA INI.